

الفقه

Fiqh

ting. 4

المحتويات

1	.١ كتاب الصيام
5	.٢ باب الاعتكاف
6	.٣ كتاب الحج
10	.٤ البيع
13	.٥ الربا
16	.٦ الرهن

PUASA

Pengertian puasa:

Puasa dari segi bahasa : Menahan diri (daripada sesuatu).

Dari segi syara' : Menahan diri daripada (melakukan) perkara-perkara yang membatalkan puasa dengan cara tertentu dan disertai dengan niat.

Dalil disyariatkan puasa:

Firman Allah s.w.t:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa".

(surah al Baqarah : 183)

Sabda nabi s.a.w:

"Islam dibina di atas lima asas: Bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah, menunaikan solat, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadan dan menunaikan Haji di Baitullah bagi orang yang mampu melaksanakannya".

Kewajipan berpuasa

Puasa difardukan dalam bulan Sya'ban pada tahun kedua hijrah.

Rukun puasa

1- Orang yang berpuasa

2- Niat

3- Menahan diri daripada(melakukan) perkara yang membatalkan puasa.

** Puasa Ramadan diwajibkan dengan adanya salah satu daripada dua perkara berikut:

1- Dengan cukup 30 hari bulan Sya'ban

2- Dengan melihat anak bulan pada malam (akhir) Sya'ban

Ini berdasarkan sabda nabi s.a.w: "Berpuasalah apabila kamu melihatnya (bulan) dan berbukalah (berhari raya) apabila kamu melihatnya. Jika bulan itu terlindung, sempurnakanlah bilangan bulan Sya'ban selam 30 hari".

كتاب الصيام

١- تعريف الصوم

الصوم لغة: أُمسَاك .

وشرعا: إمساك عن المفطرات على وجه مخصوص مع النية .

٢- الدليل على مشروعيته:

● قوله تعالى : " يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ " .

- وقول الرسول (ص): " بنى الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله، وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة، وصوم رمضان، وحج البيت من استطاع إليه سبيلا".

٣- فرض الصوم:

فرض الصوم في شعبان في السنة الثانية من الهجرة.

٤- أركان الصوم:

١) الصائم. ٢) النية. ٣) إمساك عن المفطرات .

٥- يجب صوم رمضان بأحد أمرين :

١) بإكمال شعبان ثلاثين يوما

٢) رؤية الهلال ليلة الثلاثين من شعبان

- لقوله ﷺ : " صوموا لرؤيته، وافطروا لرؤيته، فإن غم عليكم، فأكملوا عدة شعبان ثلاثين يوما".

^١ سورة البقرة ، الآية : ١٨٣

Hukum puasa Ramadhan

Hukumnya adalah wajib ke atas setiap muslim. Kewajibannya adalah diketahui dengan jelas, barang siapa yang ingkar kewajipan ini maka ia telah kufur.

Syarat wajib puasa:

- 1- Islam – maka tidak wajib puasa ke atas orang kafir pada asal.
- 2- Cukup umur - maka tidak wajib puasa ke atas kanak-kanak.
- 3- Waras - maka tidak wajib puasa ke atas orang gila.
- 4- Mampu berpuasa - maka tidak wajib puasa ke atas orang yang tidak mampu dari segi lahiriah atau syar' kerana usia tua atau sakit yang tidak ada harapan sembuh atau haid dan seumpamanya.

Syarat sah puasa:

- 1- Islam
- 2- Berakal
- 3- Suci daripada haid, nifas atau wiladah
- 4- Dilakukan pada masanya (bulan Ramadan) - untuk mengeluarkan dua hari raya dan tiga hari tasyriq (yang diharamkan berpuasa).

Rukun puasa:

1- Niat,

kerana sabda nabi s.a.w: "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat". Tempat niat adalah di hati dan tidak disyaratkan bagi puasa Ramadan atau lainnya seperti puasa qada' atau puasa nazar berniat puasa di malam hari.
- Tabyit : berniat puasa di malam hari.

2- Menentukan niat puasa fardu.

3- Menahan diri daripada (melakukan) perkara yang membatalkan puasa.

4- Mengetahui sempadan masa (waktu subuh dan maghrib).

٦- حكمه:

- واجب على كل مسلم / ووجوبه معلوم من الدين بالضرورة. فمن جحد فهو كافر.

٧- شرائط وجوب الصيام :

(١) الإسلام: فلا يجب على الكافر الأصلي

(٢) البلوغ: فلا يجب على الصبي

(٣) العقل: فلا يجب على المجنون

(٤) إطاقه الصوم: . فلا يجب على من لم يطقه حسا أو شرعا لكبر أو

مرض لا يرجى برؤه أو حيض أو نحوها.

٨- شروط صحة الصوم:

(١) الإسلام (٢) العقل (٣) نقاء عن حيض ونفاس وولادة

(٤) وقت قابل له ليخرج العيدان وأيام التشريق.

٩- فرائض الصوم

(١) النية، لقوله (ص): "إنما الأعمال بالنيات"، ومحملها القلب. ولا يشترط

لفرض الصوم من رمضان أو غيره كقضاء أو نذر التبييت.

- التبييت : إيقاع النية ليلا.

(٢) تعيين النية في الفرض

(٣) الإمساك عن المفطرات.

(٤) معرفة طرفي النهار.

Perkara yang membatalkan puasa seseorang:

- 1- Sesuatu masuk dan sampai ke rongga dan otak.
- 2- Suntikan pada salah satu daripada dua jalan (qubul dan dubur)
- 3- Muntah dengan sengaja
- 4- Bersetubuh dengan sengaja.
- 5- Mengeluarkan air mani dengan sentuhan.
- 6- Haid
- 7- Nifas
- 8- Gila
- 9- Murtad
- 10- Melahirkan anak.

Perkara sunat puasa:

- 1- Menyegerakan berbuka puasa
- 2- Melewatkan bersahur
- 3- Meninggalkan bercakat perkara-perkara yang buruk.
- 4- Meninggalkan keinginan hawa nafsu yang tidak membatalkan puasa.
- 5- Meninggalkan berbekam
- 6- meninggalkan merasi makanan atau lain-lain.
- 7- meninggalkan mengunyah sesuatu (seperti getah).
- 8- Mandi janabah pada waktu malam.
- 9- berdoa ketika berbuka puasa:
- 10- *"Ya Allah kerana-Mu aku berpuasa dan dengan rezeki-Mu aku berbuka puasa"*.
- 11- Memperbanyakkan membaca al Quran.
- 12- Beri'tikaf

Hari-hari yang diharamkan berpuasa:

- 1- Dua hari raya : hari raya puasa dan hari raya korban.
- 2- hari-hari tasyriq iaitu tiga hari selepas hari raya korban (11, 12 dan 13 zulhijjah).

Hari syak ialah 30 haribulan sya'ban.

- Makruh berpuasa pada hari syak sebagai makruh tanzih. Pendapat yang muktamad dalam Mazhab adalah haram berpuasa.

١٠ - ما يفطر به الصائم:

- (١) ما وصل إلى الجوف والرأس.
- (٢) الحقنة في أحد السيلين.
- (٣) القيء عمدا.
- (٤) الوطء عمدا في الفرج.
- (٥) الإنزال عن مباشرة.
- (٦) الحيض.
- (٧) النفاس.
- (٨) الجنون.
- (٩) الردة.
- (١٠) الولادة.

١١ - مستحبات الصوم:

- (١) تعجيل الفطر
- (٢) تأخير السحور
- (٣) ترك الهجران من الكلام
- (٤) ترك شهوة لا تبطل الصوم
- (٥) ترك نحو حجم وفصد
- (٦) ترك ذوق الطعام أو غيره
- (٧) ترك علك
- (٨) أن يغتسل الجنابة ليلا
- (٩) أن يقول عقب فطره : " اللهم لك صمت، وعلى رزقك أفطرت".
- (١٠) أن يكثر تلاوة القرآن ومدارسته (١١) الاعتكاف

١٢ - ما يحرم الصوم من الأيام:

- (١) العیدان: الفطر والأضحى
- (٢) أيام التشريق - الثلاثة بعد يوم النحر - ١١، ١٢، ١٣ ذو الحجة.

١٣ - يوم الشك : يوم الثلاثين من شعبان.

- ويكره صوم يوم الشك كراهة تنزيه، والمعتمد في المذهب: تحريمه.

Perkara yang mewajibkan Kifarah:

Bersetubuh dengan sengaja pada siang hari Ramadan – ia wajib menqada' puasa dan membayar kifarah, tetapi tidak wajib kifarah ke atas perempuan yang disetubuhi.

Kifarah:

- Memerdekakan hamba perempuan yang beriman, tidak mempunyai kecacatan yang memudaratkan kerjanya
- Sekiranya tidak ada hamba (untuk dimerdekakan) maka hendaklah berpuasa selama dua bulan berturut-turut.
- Sekiranya tidak mampu berpuasa maka hendaklah memberi makan 60 orang miskin.

Hukum orang mati yang meninggalkan puasa Ramadan, puasa nazar atau puasa kifarah:

- walinya perlu memberi makan orang miskin bagi setiap hari puasanya secupak makanan.

Hukum orang yang tidak mampu berpuasa:

- hendaklah memberi makan orang miskin bagi setiap hari puasa secupak makanan (dan tidak wajib qada' puasanya).

Perempuan mengandung dan menyusu:

- Sekiranya kedua-duanya bimbangkan kesihatan dirinya maka bolehlah berbuka dan wajib kedua-duanya qada' puasa tersebut.
- Sekiranya kedua-duanya bimbangkan kesihatan anaknya maka bolehlah berbuka dan wajib kedua-duanya qada' puasa dan bayar kifarah (fidyah).

١٤ - ما يجب به الكفارة:

الوطئ عمدا في الفرج في نهار رمضان - فعليه القضاء والكفارة، فلا تجب على الموطوءة.

١٥ - الكفارة:

- هي عتق رقبة مؤمنة سليمة من العيوب المضر بالعمل والكسب

- فإن لم يجدها فصيام شهرين متتابعين

- فإن لم يستطع فإطعام ستين مسكينا.

١٦ - حكم على من مات وعليه الصيام رمضان أو نذر أو كفارة قبل إمكان القضاء:

- اطعام عنه وليه لكل يوم مد طعام.

١٧ - حكم من عجز عن الصيام :

- يطعم عن كل يوم مدا (ولا يجب عليه القضاء).

١٨ - الحامل والمرضع :

- إن خافتا على أنفسهما أفطرتا ووجب عليهما القضاء.

- إن خافتا على أولادهما أفطرتا وعليهما القضاء والكفارة.

Iktikaf³

Pengertian iktikaf:

Dari segi bahasa : duduk dan menahan diri

Dari segi syara': seseorang tertentu duduk di masjid dengan niat (iktikaf).

Dalil disyariatkan iktikaf:

Dalil sebelum ijmak ulamak adalah seperti berikut:

1- Firman Allah s.w.t:

"janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri'tikaf dalam mesjid".

2- Hadis sahih ada menyatakan bahawa nabi s.a.w beriktikaf pada 10 pertengahan Ramadan, kemudian beriktikaf pada 10 akhir Ramadan dan baginda sentiasa melaziminya sehinggalah wafat kemudian selepas itu diikuti oleh isteri-isteri baginda.

Hukum iktikaf adalah sunat muakkad

Rukun iktikaf:

- 1- Niat
- 2- Duduk (di masjid) kadar masa yang dikira sebagai iktikaf
- 3- (dilakukan) di masjid.
- 4- Orang yang beriktikaf

Syarat iktikaf:

- 1- Islam 2- Waras 3- Tidak berhadass besar

Perkara yang membatalkan iktikaf:

- 1- Bersetubuh 2- Keluar dari masjid

³ I'tikaf ialah berada dalam mesjid dengan niat mendekati diri kepada Allah.

باب الاعتكاف

١ - تعريف الاعتكاف:

لغة: اللبث والحبس

وشرعا: اللبث في المسجد من شخص مخصوص بنية.

٢ - الدليل على مشروعيته

الأصل فيه قبل الاجماع كما يلي:

أ- قوله تعالى : ولا تباشروهن وأنتم عاكفون في المساجد^٢

ب- وخبر الصحيحين أنه (ص) اعتكف العشر الأوسط من رمضان، ثم اعتكف العشر الأواخر منه، ولازمه حتى توفاه الله إليه، ثم اعتكف أزواجه من بعده.

٣ - حكمه: سنة مستحبة (سنة مؤكدة).

٤ - أركان الاعتكاف:

١) النية ٢) اللبث بقدر ما يسمى عكوفاً

٣) في المسجد ٤) معتكف

٥ - شروط معتكف:

١ - الاسلام ٢ - العقل ٣ - الخلو عن الحدث الأكبر

٦ - مبطلات الاعتكاف: ١ - الوطء ٢ - الخروج من المسجد

^٢ البقرة : الآية ١٨٧

Ibadat Haji

Pengertian Haji

Dari segi bahasa : mengunjungi (tempat mulia)
Pada syara' : mengunjungi kaabah (baitillah)

Hukum menunaikan Haji:

Adalah wajib ke atas orang yang mampu. Kefarduanya adalah perkara yang telah maklum secara jelas dan menjadi kufur orang yang menginkarinya.

Dalil disyariatkan haji:

Firman Allah s.w.t:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya".

(Surah al Imran : 97)

Sabda nabi s.a.w: 'Islam itu didirikan atas lima perkara – Menyaksikan bahawa tiada ilah melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan puasa di bulan Ramadhan.

Orang pertama yang menunaikan Haji

Orang pertama yang menunaikan Haji. Baginda berjalan kaki untuk menunaikan haji selama 40 tahun dari bumi India.

Fardu Haji

Difardukan haji pada tahun 5 hijrah. Ada yang mengatakan: tahun 6 hijrah.

Bilangan haji yang diwajibkan

Berdasarkan dalil syara' haji tidak diwajibkan kecuali sekali (seumur hidup) kerana nabi s.a.w tidak menunaikan haji selepas difardukannya kecuali sekali sahaja iaitu haji perpisahan.

Manakala Umrah difardukan seperti ibadat haji mengikut al azhar⁴ kerana firman Allah s.w.t:

⁴ pendapat yang lebih kuat

كتاب الحج

تعريف الحج لغة: القصد. وشرعا: قصد الكعبة للنسك.

حكم اداء الحج :

فرض على المستطيع وهو معلوم من الدين بالضرورة، يكفر جاحده.

الدليل على مشروعيته:

- قال تعالى: ﴿وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا﴾.

- قوله عليه الصلاة والسلام: بني الاسلام على خمس : شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

(متفق عليه)

أول من حج:

أول من حج آدم عليه السلام وأنه حج أربعين سنة من الهند ماشيا.

فرض الحج:

فرض في السنة الخامسة من الهجرة، وقيل: في السنة السادسة من الهجرة.

عدد الحج

لا يجب بأصل الشرع إلا مرة واحدة، لأنه ﷺ لم يحج بعد فرض الحج إلا مرة واحدة

وهي حجة الوداع.

والعمرة فرض كذلك في الأظهر، لقوله تعالى : وأتموا الحج والعمرة لله.

Syarat wajib haji dan umrah ada 9:

- 1- Islam
- 2- Cukup umur
- 3- Waras
- 4- Merdeka
- 5- **Berkemampuan, ada 2 jenis:**
 - i- Berkemampuan dengan diri sendiri:
 - a) ada perbelanjaan
 - b) ada kenderaan
 - ii- Berkemampuan dengan bantuan orang lain, maka wajib menqada' untuk si mati yang bukan murtad.
6. Aman perjalanan
7. Dapat pergi ke Mekah
8. Dapat menaiki kenderaan dengan baik
9. Ditemani mahram atau suami.

Rukun haji ada 6:

1. Niat ihram haji
2. Wukuf di 'Arafah
3. Tawaf di Baitullah
4. Sa'i di antara Safa dan Marwah
5. Bercukur / bergunting
6. Tertib

Rukun Umrah ada 6:

1. Niat ihram umrah
2. Tawaf
3. Sa'i
4. Bercukur
5. Tertib

شرائط وجوب الحج والعمرة (٩):

- ١- اسلام.
- ٢- البلوغ.
- ٣- العقل.
- ٤- الحرية.
- ٥- الاستطاعة، وهي نوعان:
 - ١) الاستطاعة مباشرة: (أ) وجود الزاد (ب) والراحلة.
 - ٢) الاستطاعة بغير مباشرة: فتجب إنابة عن ميت غير مرتد
- ٦- تخلية الطريق. ٧- امكان المسير الى مكة.
- ٨- أن يثبت على الراحلة بلا مشقة شديدة .
- ٩- وجود محرم أو زوج.

أركان الحج (٦):

- ١- الاحرام مع النية
- ٢- الوقوف بعرفة
- ٣- الطواف
- ٤- السعي بين الصفي والمروة.
- ٥- الحلق او التقصير .
- ٦- ترتيب المعظم .

أركان العمرة (٥):

- ١- الاحرام مع النية .
- ٢- الطواف .
- ٣- السعي
- ٤- الحلق .
- ٥- الترتيب .

Wajib haji ada 5:

1- ihram di miqat iaitu i) miqat zamani ii) miqat makani

Miqat dari segi bahasa : sempadan. Dimaksudkan di sini ialah tempoh masa ibadat dan tempatnya.

Miqat zamani bagi haji : bulan syawal, zul qaedah dan 10 malam zul hijjah.

Manakala miqat zamani bagi umrah : sepanjang tahun.

Miqat makani bagi haji adalah seperti berikut:

- 1- Bagi orang yang berada di Mekah, miqatnya adalah di Mekah juga sama ada mereka itu penduduk Mekah atau bukan.
- 2- Bagi orang yang datang melalui Madinah, miqatnya - zul Hulailah (Abyar Ali)
- 3- Bagi orang yang datang melalui Syam, Mesir dan Maghribi, miqatnya - JUhfah
- 4- Bagi orang yang datang melalui Tahamah Yaman atau Malaysia, miqatnya - Yalamlam
- 5- Bagi orang yang datang melalui Najd Yaman dan Najd Hijaz, miqatnya - Qarnu Manazil
- 6- Bagi orang yang datang melalui Timur (Iraq dan lain-lain), miqatnya - zatul 'arq

Miqat makani bagi umrah:

- 1- Bagi orang yang berada di luar tanah haram - miqatnya adalah seperti miqat haji.
- 2- Bagi orang yang berada di Mekah - perlu keluar ke kawasan tanah halal yang berdekatan walaupun jaraknya kurang selangkah. Kawasan tanah halal yang paling afdal ialah Ja'ranah, Tan'im, Hudaibiah.

2- Melontar di tiga jamrah:

i- Jamrah ula ii- Jamrah wusta iii- Jamrah aqabah

3- Bercukur / bermalam di Muzdalifah

(disunatkan mengambil 70 anak batu untuk melontar jamrah).

واجبات الحج (٥):

١- الاحرام من الميقات. وهي نوعان : ١- الزماني ٢- المكاني

الميقات لغة: الحد. والمراد هنا : زمن العبادة ومكانها.

- الميقات الزماني للحج: شوال وذوالقعدة وعشرة ليال من ذي الحجة.

- والميقات المكاني للحج كالآتي:

(١) في حق من بمكة نفس مكة سواء كان من أهلها أم لا.

(٢) في المتوجه من المدينة - ذو الحليفة (أبيار علي)

(٣) في المتوجه من الشام و مصر و المغرب - الجحفة .

(٤) في المتوجه من تهامة اليمن أو ماليزيا - يلملم.

(٥) في المتوجه من نجد اليمن ومن نجد الحجاز - قرن المنازل.

(٦) في المتوجه من المشرق (العراق وغيره) - ذات عرق.

- وأما الميقات المكاني للعمرة:

(١) لمن هو خارج الحرام - ميقات الحج.

(٢) ومن بالحرم - يلزم الخروج إلى ادنى الحل ولو بأقل من خطوة. وأفضل بقاع

الحل : الجهرة، ثم التنعيم، ثم الحديبية.

٢- رمى الجمار الثلاث:

(أ) الجمرة الأولى (ب) الجمرة الوسطى (ج) الجمرة العقبية

٣- الحلق/المبيت بمزدلفة.

(ويسن أن يأخذ منها سبعون حصاة للرمي)

- 4- Bermalam di.Mina
 - 5- Meninggalkan perkara larangan semasa ihram.
- Sunat masuk Baitullah, solat di dalamnya, minum air zam zam, ziarah kubur nabi s.a.w, walaupun bagi orang tidak menunaikan haji atau umrah.

Suant-sunat haji ada 7:

- 1- Haji secara ifrad, Haji dan umrah dilakukan dengan tiga cara:
 - i) **Ifrad**: mendahulukan amalan haji sebelum umrah pada tahun yang sama. Cara ini yang afdal.
 - ii) **Tamattu'**: mendahulukan amalan umrah sebelum amalan haji pada bulan-bulannya dalam tahun tersebut.
 - iii) **Qiran**: niat ihram kedua-duanya serentak dalam bulan-bulan haji atau niat ihram umrah kemudian sebelum mulakan yawaf dilakukan amalan haji
- 2- Bertalbiah
- 3- Tawaf Qudum
- 4- solat sunat Tawaf dua rakaat pada malam 'Arafah
- 5- Mandi kerana ihram
- 6- Bermalam di Mina
- 7- Tawaf Wida'

Perkara yang haram semasa ibadat haji:

- 1- Memakai pakaian berjahit bagi lelaki.
- 2- Menutup sebahagian kepala bagi lelaki
- 3- Menutup sebahagian muka dan dua pergelangan tangan bagi perempuan.
- 4- Melumurkan rambut kepala atau janggut dengan minyak.
- 5- Mencukur bulu di seluruh tubuh.
- 6- Mengerat kuku
- 7- Memakai bau-bauan.
- 8- Membunuh binatang buruan.
- 9- Akad dan jawab nikah.
- 10- Bersetubuh

٤ - المبيت بمنى

٥ - التحرر عن محرمات الاحرام.

يسن دخول البيت والصلاة فيه والشرب ماء زمزم وزيارة قبر النبي (ص) ولو لغير حج ومعتمر.

سنن الحج (٧):

١ - الافراد فالحج و العمرة يؤديان على ثلاثة اوجه:

(أ) الافراد: تقديم أعمال الحج على العمرة في عام واحد، وهو أفضل.

(ب) التمتع: تقديم أعمال العمرة على أعمال الحج في أشهره لهذا العام.

(ج) القران: بأن يحرم بهما معا في أشهر الحج أو بعمرة ثم يحج قبل شروع في طواف ثم يعمل الحج فيهما.

٢ - التلبية .

٤ - ركعتا الطواف ليلة عرفة

٦ - المبيت بمنى .

محرمات الحج:

١ - لبس المخيط على الرجل.

٣ - ستر بعض الوجه والكفين من المرأة.

٥ - حلق الشعر من سائر جسده.

٧ - الطيب.

٩ - عقد النكاح وقبوله.

٢ - تغطية بعض الرأس من الرجل.

٤ - ترجيل شعر الرأس أو اللحية بالدهن.

٦ - تقليم الأظفار.

٨ - قتل الصيد.

١٠ - الوطء.

JUAL BELI

S1 – Apa erti jual beli dari sudut bahasa dan syara’?

J - Jual beli dari sudut bahasa: menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Dari sudut Syara’: Pertukaran dalam bentuk harta dengan harta dengan cara yang tertentu

S2 - Sebutkan dalil dari Al-Qur'an dan hadis yang menunjukkan harusnya jual beli?

J - Dalil dari Al-Qur'an, Firman Allah swt: "Dan Allah telah menghalalkan jual beli."

Dalil dari hadis, sabda nabi saw: "Sesungguhnya Jual beli itu berdasarkan persetujuan bersama (pihak penjual dan pembeli).

S3- Berapakah jenis jual beli? Nyatakannya dengan menjelaskan hukum bagi setiap jenis tersebut?

J- Jual beli terbahagi kepada 4 jenis:

- 1) Jual beli barangan yang dapat dilihat. Hukumnya adalah harus kerana tidak ada unsur penipuan.
- 2) Jual beli barangan yang ditetapkan pada tanggungjawab seseorang (jual beli secara tempahan). Hukumnya adalah harus apabila adanya sifat-sifat yang digambarkan itu.
- 3) Jual beli barangan yang tidak ada ketika akad jual beli yang tidak disaksikan oleh penjual dan pembeli. Hukumnya adalah haram kerana larangan jual beli yang ada unsur penipuan.
- 4) Jual beli manfaat sesuatu barangan (sewa sesuatu barangan). Hukumnya adalah harus

S4 - Apakah syarat barangan itu? Dan sebutkan syarat-syarat tersebut.

J - Syarat barangan ada 5 perkara:

- 1) Barangan itu adalah suci zatnya atau boleh dibersihkan dengan mencucinya.
- 2) Barangan itu berfaedah dari sudut syara’, walaupun pada masa akan datang seperti anak keldai.
- 3) Barangan itu dimiliki, iaitu pembeli atau penjual boleh memilikinya.

البيع

س ١ - ما معنى البيع لغة وشرعا؟

ج - لغة : مقابلة شيء بشيء .

شرعا: مقابلة مال بمال على وجه مخصوص.

س ٢ - اذكر دليلا من القرآن والحديث يدل على جواز البيع؟

ج - الدليل من القرآن قوله تعالى: "وأحل الله البيع ."

ومن الحديث: قوله ﷺ : إنما البيع عن تراض.

س ٣ - إلى كم تنقسم البيوع ؟ اذكرها مع بيان حكم لكل قسم ؟

ج - تنقسم البيوع إلى أربعة أقسام:

١) بيع عين مشاهدة، فحكمه جائز لإنتفاء الغرر.

٢) بيع شيء موصوف في ذمة، فحكمه جائز إذا وجدت الصفة على ما وصفت به.

٣) بيع عين غائبة عن مجلس العقد لم تشاهد للعاقدين، فحكمه لا يجوز، للنهي عن

بيع الغرر.

٤) بيع المنافع (هو الإجارة) فحكمه جائز.

س ٤ - ما هي شروط البيع ؟ واذكرها ؟

ج - شروط المبيع خمسة وهي:

١) كل شيء ظاهر عينا أو يطهر بغسله.

٢) منتفع به شرعا، ولو في المال كالجحش الصغير.

٣) مملوك، أي أن يكون للعاقدين عليه ولاية.

- 4) Mampu menyerahkan barangan itu - berkaitan jual beli bukan jaminan - kerana diyakini boleh mengembalikannya, juga kerana tidak mampu menyerahkannya secara langsung (dalam majlis 'akad).
- 5) Pembeli dan penjual mengetahui mengenainya dari segi zat, kadar dan sifatnya.

S5 - Adakah sah untuk menjual barang yang terkena najis yang tidak dapat dibersihkan, seperti cuka, susu dan minyak?

J - Tidak sah untuk menjual barang yang terkena najis yang tidak dapat dibersihkan, seperti cuka, susu dan minyak, kerana ia adalah sama dengan maksud benda najis.

S6 - Adakah sah jual beli alatan hiburan yang haram, seperti gambus, seruling, alat muzik yang bertali satu (biola)? Kenapa?

J - Tidak sah jual beli alatan hiburan yang haram, seperti gambus, seruling, alat muzik yang bertali satu (seperti biola) kerana ia tidak memberi faedah dari sudut syara'.

S7 – Nyatakan rukun jual beli?

J - Rukun jual beli ada 6 perkara:

- 1) **Pihak yang ber'akad** - penjual dan pembeli.
- 2) **Perkara yang di'akadkan** - harga dan barangan jualan.
- 3) **Sighah** - ijab dan qabul

S8 - Terangkan syarat orang yang ber'akad (penjual dan pembeli)? Dan syarat ijab dan qabul?

J - Syarat orang yang ber'akad (penjual dan pembeli):

- 1- Bebas menguruskan sesuatu (Matang dan dapat membuat pilihan).
- 2- Islam (penjual dan pembeli) dalam urusan jual beli kitab al Quran dan kitab hadis.

٤) قدرة تسلمه في بيع غير ضمني ليوثق على رده، لعجزه عن تسلمه حالاً.
٥) العلم به للعاقدين عينا وقدرًا وصفة.

**س٥ - هل يصح بيع المتنجس الذي لا يمكن تطهيره كالحل واللبن والزيت؟
ج- لا يصح بيع المتنجس الذي لا يمكن تطهيره كالحل واللبن والزيت، لأنه في معنى نجس العين.**

**س٦ - هل يصح بيع آلة اللهو المحرمة كالطنبور والمزمار والرباب؟ ولماذا؟
ج- لا يصح بيع آلة اللهو المحرمة كالطنبور والمزمار والرباب لأنه لا ينتفع بها شرعاً.**

**س٧ - اذكر أركان البيع؟
ج- أركان البيع ستة:**

- ١) العاقدين - البائع والمشتري.
- ٢) المعقود عليه - الثمن والمثمن
- ٣) الصيغة - الإيجاب والقبول

**س٨ - بين شروط العاقد (البائع أو المشتري)؟ وشروط الإيجاب والقبول؟
ج- شروط العاقد :**

- ١ - إطلاق التصرف (الرشد والإختيار).
- ٢ - إسلام ما يشتري له. (هذا خاص في بيع نحو مصحف وكتب الحديث)

Syarat Qabul:

- 1- Tidak diselangi antara akad dan qabul itu dengan kata-kata lain yang tidak berkaitan dengan akad atau diam terlalu lama lama.
- 2- Ijab dan qabul itu sama maksud
- 3- Tidak dikaitkan dengan sesuatu.
- 4- Tidak hadkan masa.

S9 – Kenapa tidak sah jual beli barangan yang tidak bermanfaat?

J - Tidak sah jual beli barangan yang tidak bermanfaat kerana ianya tidak dianggap sebagai harta. Membelanjakan harta dalam pertukaran dengan sesuatu yang terhalang manfaatnya, adalah dilarang kerana mensia-siakan harta.

S10 – – Kenapa tidak sah jual beli barangan najis?

J - Tidak sah jual beli barangan najis kerana hadis sahih bahawa nabi saw melarang jual beli anjing. Sabda baginda : “Sesungguhnya Allah swt mengharamkan jual beli arak, bangkai dan babi”.

شروط القبول:

- ١ - ألا يتخللهما كلام أجنبي عن العقد ولا سكوت طويل.
- ٢ - وأن يتوافق الإيجاب والقبول معنى.
- ٣ - عدم التعليق
- ٤ - عدم التأقيت.

س٩- لماذا لا يصح بيع ما لا منفعة فيه؟

ج- لا يصح البيع ما لا منفعة فيه لأنه لا يعد مالا. فأخذ المال في مقابلته ممتنع، للنهي عن إضاعة المال.

س١٠- لماذا لا يصح بيع عين نجسة؟

ج- لا يصح بيع عين نجسة لخبر الصحيحين أنه ﷺ "نهى عن ثمن الكلب". وقال: "أن الله تعالى حرم بيع الخمر والميتة والخنزير".

RIBA

S1- Apa pengertian riba dari sudut bahasa dan Syara'? Apakah jenis-jenisnya?

J - Riba dari sudut bahasa ialah tambahan.

Dari sudut istilah **syarak** : Akad berdasarkan pertukaran tertentu yang tidak diketahui persamaan imbalannya mengikut syara' - ketika akad - atau melewati penyerahan dua benda yang ditukar itu atau salah satu daripada keduanya.

Riba ada tiga jenis:

- 1) Riba Fadl
- 2) Riba Yad
- 3) Riba Nasi'ah

S2- Apa hukum riba? Nyatakan bersama dalil?

J - Hukum riba adalah haram dan merupakan salah satu dosa besar. Kerana firman Allah swt: "*Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba*" dan sabda nabi saw: "*Allah s.a.w melaknat orang yang makan harta riba, orang yang mewakilinya, penulisnya dan saksinya*".

S3- Apakah maksud Riba Fadl? Apakah maksud Riba Yad? Apakah maksud Riba Nasi'ah?

Riba Fadl : Jual beli (barangan riba dengan barangan sejenisnya) serta ada penambahan pada salah satu pertukaran tersebut

Riba Yad : Menjual (barangan riba dengan barangan riba lain yang mempunyai *ilat* yang sama tanpa disyaratkan pada urusan niaga tersebut secara bertanggung) tetapi berlaku kelewatan penyerahan dua benda yang ditukar itu atau salah satunya (selepas berlakunya akad secara langsung).

Riba Nasai : Jual beli (barangan riba dengan barangan riba lain yang mempunyai *ilat* (sebab) yang sama) secara bertanggung

S4- Apakah barangan yang mempunyai *ilat* (sebab) riba?

barangan yang mempunyai *ilat* (sebab) riba ialah emas, perak dan makanan.

الربا

س ١- ما هو الربا لغة وشرعا؟ وما أنواعه؟

ج- الربا لغة: الزيادة.

شرعا: عقد عوض مخصوص غير معلوم التماثل في معيار الشرع حالة العقد أو مع تأخير في البدلين أو احدهما.
* الربا ثلاثة أنواع:

(١) ربا الفضل (٢) ربا اليد (٣) ربا النسيئة.

س ٢- ما حكم الربا؟ اذكره مع الدليل؟

ج- حكم الربا حرام وهو من الكبائر. لقوله تعالى: " وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا "،
ولقوله ﷺ: لَعَنَ اللَّهُ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤَكِّلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ.

س ٣- ما هو ربا الفضل؟ وما ربا اليد؟ وربي النساء؟

ج- ربا الفضل هو البيع مع زيادة أحد العوضين على الآخر.

ربا اليد هو البيع مع تأخير قبضهما أو أحدهما.

ربا النساء هو البيع لأجل.

س ٤- ما هي الأعيان التي تكون فيها علة الربا؟

ج- الأعيان التي تكون فيها علة الربا هي الذهب والفضة والمطعومات.

S4- Apakah yang dimaksudkan dengan makanan?

J – Maksud makanan: Sesuatu yang menjadi makanan asasi, sampingan, atau ubat-ubatan

S5 - Tidak boleh menjual barangan emas dengan barangan perak, atau menjual barangan perak dengan barangan perak kecuali dengan tiga syarat, sebutkan syarat-syarat tersebut?

J - Ketiga-tiga syarat ini adalah:

- 1) Persamaan imbalannya, iaitu sama kadarnya tanpa sebarang tambahan atau kurang.
- 2) Berbentuk mata wang
- 3) Diterima secara langsung sebelum berakhir majlis akad atau tempoh pilihan.

S6- Sebutkan dalil yang menunjukkan bahawa tidak sah jual beli barang yang dibeli sehingga seseorang itu menerimanya?

J - Dalil yang menunjukkan perkara tersebut adalah hadis: Siapa yang membeli makanan maka tidak boleh menjualnya sehinggalah ia menyempurnakan urusan jual belinya.

S7 - Apakah hukum menjual daging dengan binatang? Adakah sah menjual kulit binatang dengan binatang?

J - Tidak sah menjual daging dengan binatang. Manakala menjual kulit binatang dengan binatang adalah sah setelah disamak kulit tersebut.

S8- Apakah syarat-syarat boleh jual beli emas dengan perak dan sebaliknya secara kadar yang tidak sama?

syarat-syarat boleh jual beli emas dengan perak dan sebaliknya dengan kadar berlainan, ada dua syarat:

- 1) Dilakukan secara tunai.
- 2) Diterima secara langsung sebelum berpisah dari majlis akad atau berakhir tempoh pilihan

س٤- ما المراد بالمطعموات ؟

ج- المراد بالمطعموات : ما قصد للطعم إقتياتا أو تفقها أو تداويا

س٥- لا يجوز بيع عين الذهب بالذهب ولا بيع عين الفضة بالفضة إلا بثلاثة شروط، أذكرها ؟.

ج- هذه الشروط الثلاثة هي:

- ١) كونه تماثلا أي متساويا في القدر من غير زيادة حبة ولا نقصها
- ٢) كونه نقدا
- ٣) كونه مقبوضا بيد كل منهما قبل التفرق أو التخاير

س٦- اذكر دليلا يدل على أن لا يصح بيع ما إبتاعه حتى يقبضه؟

ج- الدليل الذي يدل على ذلك خبر: من إبتاع طعاما فلا يبعه حتى يستوفيه.

س٧- ما حكم بيع اللحم بالحيوان ؟ وهل يصح بيع الجلد بالحيوان ؟

ج- لا يجوز بيع اللحم بالحيوان ، وأما بيع الجلد بالحيوان فيصح بعد دبغه.

س٨- ما هي شروط جواز بيع الذهب بالفضة وعكسه متفاضلا؟

ج- يشترط في جواز بيع الذهب بالفضة وعكسه متفاضلا شرطين:

- ١) كونه نقدا.
- ٢) كونه مقبوضا بيد كل منهما قبل تفرقهما او تخايرهما

S9 – Terangkan syarat-syarat jual beli barangan berbentuk makanan dengan makanan yang sama?

J - syarat jual beli barangan berbentuk makanan dengan makanan yang sama ada tiga:

- 1) Persamaan imbalannya sama kadarnya)
- 2) Berbentuk mata wang
- 3) Diterima secara langsung sebelum berakhir majlis akad atau tempoh pilihan.

S10- Nyatakan syarat-syarat harus jual beli barangan berbentuk makanan dengan barangan lain seperti gandum dengan barli dengan kadar yang berbeza?

J - Syarat harus jual beli barangan berbentuk makanan dengan barangan lain seperti gandum dengan barli dengan kadar yang berbeza adalah dengan dua syarat:

- 1) Dilakukan secara tunai.
- 2) Diterima secara langsung sebelum berpisah dari majlis akad atau berakhir tempoh pilihan

س٩- بين شروط بيع الجنس من المطعومات بمثله ؟

ج- شروط جواز بيع المطعومات بمثله ثلاثة:

(١) كونه متماثلا

(٢) كونه نقدا.

(٣) كونه مقبوضا بيد كل منهما قبل تفرقهما أو تخايرهما.

س١٠- اذكر شروط جواز بيع الجنس من المطعومات بغيره كالحنطة بالشعير متفاضلا؟

ج- يشترط في جواز بيع الجنس من المطعومات بغيره متفاضلا بشرطين:

(١) كونه نقدا أي حالا.

(٢) كونه مقبوضا بيد كل منهما قبل تفرقهما أو قبل تخايرهما

GADAIAN

S1- Berikan pengertian gadaian dari sudut bahasa dan sudut istilah syarak. Apakah hukumnya? Apa dalil bagi perkara tersebut?

J - Gadaian dari sudut bahasa ialah tetap

Dari sudut istilah syarak : Menjadikan sesuatu harta sebagai satu perjanjian dengan hutang yang yang boleh dibayar dengannya sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan

Hukum gadaian adalah harus pada setiap perkara yang harus jual belinya.

Dalilnya:

Firman Allah swt : “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)”. [surah al-Baqarah 2: 283]

Hadis:(sahih Bukhari dan Muslim): bahawa Rasulullah saw menggadainya dengan perisai besi baginda pada seorang Yahudi bernama Abu Syahm dengan tiga cupak gandum untuk makanan keluarga baginda.

S2 –Berapakah rukun gadaian? Nyatakan rukun-rukun tersebut.

J - Rukun gadaian ada 4 :

1. Barang gadaian (harta yang berikan sebagai gadaian bagi hutang)
2. Tangungan gadaian (hutang).
3. Sighah (Ijab dan Kabul)
4. Dua pihak yang berakad (orang yang mengadai dan orang yang menerima barang gadaian)

S3 – Sebutkan syarat-syarat harus melakukan gadaian.

J - Syarat-syarat harus melakukan gadaian:

- 1- Orang yang mengadai dan orang yang menerima barang gadaian adalah mempunyai kelayakan mengurus harta seperti akad-akad yang lain.
- 2- Barang gadaian adalah daripada perkara yang harus jual belinya
- 3- Barang gadaian adalah daripada perkara yang tidak rosak sebelum berakhirnya tempoh hutang itu kecuali apabila disyaratkan jika rosak maka dinilai dengan harganya sebagai gadaian.

الرهن

س ١. عرف الرهن لغة وشرعا، وما حكمه؟ وما الدليل على ذلك؟

ج- الرهن لغة : الثبوت.

• شرعا : جعل عين مالية وثيقة بدين يستوفي منها عند تعذر وفائه.

• حكم الرهن يجوز في كل ما يجوز بيعه.

• الدليل : قوله تعالى ﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنَ مَقْبُوضَةً﴾

[سورة البقرة ٢ : ٢٨٣]

وخبير الصحيحين أنه ﷺ رهن درعه عند يهودي يقال له أبو الشحم على ثلاثين صاعا من شير لأهله"

س ٢. كم أركان الرهن؟ وما هي؟

ج- أركان الرهن أربعة وهي :

(١) مرهون (٢) مرهون به (٣) صيغة (٤) عاقدان

س ٣. اذكر شرائط لجواز الرهن.

ج- شرائط لجواز الرهن :

(١) أن يكون الراهن والمرتهن أهل التصرف كسائر العقود.

(٢) أن يكون المرهون مما يجوز بيعه.

(٣) أن يكون المرهون مما لا يفسد قبل حلول الدين إلا إذا شرط عليه الفساد

ويحتفظ بثمنه رهنا.

S4 – Adakah boleh Orang yang mengadai menggunakan manfaat Barang gadaian?

J – Ya, Orang yang mengadai itu boleh menggunakan manfaat Barang gadaian selagi tidak mengurangkannya seperti menunggangnya dan tinggal di rumah digadaian. Apabila barang tersebut menjadi kurang maka tidak boleh, seperti menanam di tanah yang digadai, kerana ia mengurangkan nilai tanah tersebut.

S5 – Bilakah wajib ke atas orang yang menerima barang gadaian membayar ganti rugi ?

J - orang yang menerima barang gadaian wajib membayar ganti rugi barang gadaian, apabila barang tersebut rosak dengan sebab cuainya.

S6 – Adakah harus orang yang menerima barang gadaian menggunakan apa-apa manfaat daripada barang gadaian? Kenapa?

J – Tidak boleh orang yang menerima barang gadaian menggunakan apa-apa manfaat daripada barang gadaian kecuali apabila orang yang menerima barang gadaian membelanjakan sesuatu untuk barang gadaian itu seperti binatang ternakan, maka boleh ia menggunakan manfaat gadaian tersebut (sebagai ganti kepada perbelanjaannya) dengan menunggangnya, mengambil susunya dan lain-lain lagi.

S7 – Apakah hukum barang gadaian apabila ianya rosak di tangan orang yang menerima barang gadaian?

J - Apabila barang gadaian itu rosak di tangan orang yang menerima barang gadaian, maka tidak perlu membayar ganti rugi selagi tidak nyata kecuaiannya. Jika jelas kecuaiannya dalam menjaganya maka ia perlu membayar ganti rugi nilainya kepada Orang yang mengadai kerana sebab cuainya.

S8 – Siapakah yang wajib memberi makanan kepada barangan gadaian seperti nafkah hamba, makanan ternakan, upah menyiram tanah?

J - Orang yang mengadai wajib memberi makanan kepada barangan gadaian seperti nafkah hamba, makanan ternakan, upah menyiram tanah.

S9 – Bilakah terlerainya Tanggungan gadaian (hutang) daripada Orang yang mengadai gadaian?.

J - Terlerainya Tanggungan gadaian (hutang) daripada Orang yang mengadai gadaian apabila orang yang menerima barang gadaian itu menerima seluruh haknya (hutang tersebut).

Bersambung

س٤. هل يجوز للراهن الانتفاع بالمرهون ؟

ج- نعم، يجوز للراهن الانتفاع بالمرهون ما لم ينقصه كركوبه، وسكنى إما إذا ينقص بالانتفاع فلا يجوز، كأن يغرس في الأرض المرهون، لأنه ينقص قيمة الأرض.

س٥. متى يجب على المرتهن الضمان؟

ج- يجب على المرتهن الضمان (ضمان المرهون) إذا تلف المرهون بالتعدي أى بالتفريط.

س٦. هل يجوز للمرتهن الانتفاع بالشيء المرهون. ولماذا؟

ج- لا يجوز للمرتهن الانتفاع بالشيء المرهون إلا إذا كان المرتهن ينفق على شيء المرهون كالدابة، جاز له أن ينتفع في مقابل نفقته بركوبه ولبنها وغير ذلك.

س٧. ما حكم المرهون إذا تلف عند المرتهن؟

ج- إذا تلف المرهون عند المرتهن فلا ضمان على المزائن ما لم يثبت تفريطه، فإن ثبت تفريطه في حفظه ضمن قيمته للراهن بسبب التفريط.

س٨. على من تجب منونة المرهون كنفقة رقيق و علف دابة وأجرة سقي الأرض؟.

ج- تجب منونة المرهون على الراهن كنفقة رقيق و علف دابة وأجرة سقي الأرض

س٩. متى يخرج (ينفك) المرهون به من الراهن؟

ج- يخرج (ينفك) المرهون به من الراهن إذا قبض المرتهن جميع حقه.